

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATO' FAUZI BIN ABDUL RAHMAN  
(INDERA MAHKOTA)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 16.03.2016**

**Y.B. DATO' FAUZI BIN ABDUL RAHMAN [ INDERA MAHKOTA ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah hutang Negara terkini, termasuk sebarang bentuk "Letters of Guarantee", "Letters of Support" atau "Letters of Comfort". Nyatakan nisbahnya kepada GDP Negara.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kedudukan terkini jumlah **hutang Kerajaan Persekutuan pada akhir**

**Disember 2015 adalah sebanyak RM630.5 bilion atau 54.5% daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK).** Daripada jumlah berkenaan, **96.6% atau RM609.1 bilion adalah hutang domestik, sementara bakinya RM21.5 bilion atau 3.4% merupakan pinjaman luar pesisir.** Kedudukan hutang Kerajaan Persekutuan kekal terurus dan dikategorikan sebagai negara keberhutangan sederhana.

2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah jaminan yang telah diberikan oleh Kerajaan sehingga akhir 2015 adalah sebanyak RM177.7 bilion atau 15.4% daripada KDNK. Jaminan tersebut diberikan terutamanya kepada entiti awam yang melaksanakan projek-projek infrastruktur seperti DanalInfra dan Prasarana yang terlibat dalam pembinaan infrastruktur dan operasi pengangkutan awam. Kerajaan Persekutuan dari masa ke masa memberi jaminan kepada Badan Berkanun dan syarikat Kerajaan untuk meminjam bagi membiayai projek-projek pembangunan untuk kepentingan rakyat. Jaminan ini diberikan di bawah Akta Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) 1965.

3. Manakala hanya dua *Letter of Support* (LOS) telah diberikan oleh

Kerajaan sehingga akhir 2015 yang berjumlah USD3.0 bilion dan USD150 juta. Prestasi bayaran balik pinjaman adalah baik dan mengikut jadual yang ditetapkan tanpa sebarang tunggakan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,,

4. Kerajaan terus komited dalam memastikan paras hutang Kerajaan Persekutuan tidak melebihi 55% daripada KDNK. Bagi memastikan paras hutang Kerajaan Persekutuan kekal rendah dan terurus, langkah konsolidasi fiskal akan terus diamalkan bagi mengurangkan paras defisit secara berperingkat. Kedudukan ini seterusnya akan mengurangkan keperluan Kerajaan untuk meminjam dan dapat menurunkan paras hutang. Selain itu, Kerajaan lebih berhati-hati dalam memberikan jaminan dan hanya memfokuskan kepada projek yang berimpak tinggi dan bermanfaat kepada rakyat. Kepatuhan yang tegas terhadap disiplin fiskal serta pengurusan hutang yang baik terus diberikan penekanan bagi memastikan kedudukan fiskal dan makroekonomi terus kukuh serta dapat menampung sebarang krisis.